

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA SEMINAR KENEGARAAN**

**BTN – KUTKM 2006**

**TEMPAT:**

**DEWAN BANQUET  
SRI NEGERI MELAKA.**

**TARIKH :**

**04 FEBRUARI 2006**

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA  
SEMINAR KENEGARAAN BTN – KUTKM 2006  
DEWAN BANQUET, SERI NEGERI 4 FEBRUARI 2006**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA.

Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN  
TINGGI MALAYSIA

Y.BHG EN. DZAKI BIN JUSOH

KETUA PENGARAH BIRO TATANEGARA MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK &  
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN  
MOHD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &  
PENKOMERSILAN / INOVASI)

Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
DEKAN (HAL EHWAL PELAJAR)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN EXCO MAJLIS  
PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

JUTAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA  
Y.BHG. ENCIK DZAKI BIN JUSOH, KETUA PENGARAH

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN, MENGHULURKAN BANTUAN DAN PERHATIAN KEPADA PIHAK UNIVERSITI DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM SEUMPAMA INI. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN SATU LAGI PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR YANG DIADAKAN SECARA KERJASAMA DI ANTARA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) DAN BIRO TATANEGARA (BTN), JABATAN PERDANA MENTERI.

USAHA MURNI INI PELU DIHAYATI OLEH SEMUA PIHAK TERUTAMANYA KEPADA MAHASISWAI HARAPAN NEGARA. UNIVERSITI TIDAK HANYA BERPERANAN UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK SEMATA-MATA TETAPI JUGA PERLU CEMERLANG DALAM ASPEK PEMBANGUNAN DIRI DAN SAHSIAH.

SEHUBUNGAN ITU KESUDIAN Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA HADIR KE SEMINAR PADA HARI INI MERUPAKAN SOKONGAN YANG AMAT BERMAKNA KEPADA USAHA UNIVERSITI UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT KAMPUS YANG BERFIKIRAN MATANG DAN TERBUKA. PERAN YANG LONGBAR DAN TUMPUL KERANA DI TANGAN MEREKA TERLETAKNYA HARAPAN UNTUK SELURUH WARGA UNIVERSITI AMAT BERASA BANGGA DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN Y.B. DATO' SEBAGAI TANDA DAN KOMITMEN TINGGI Y.B. DATO' TERHADAP PROGRAM YANG DILAKSANAKAN HARI INI. SELURUH WARGA UNIVERSITI AKAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI UNTUK MEMBANGUNKAN PARA PELAJAR SEBAGAI GENERASI PEMIMPIN MASA HADAPAN YANG BERKUALITI TINGGI DAN BERPERSONALITI UNGGUL. AN YANG TIDAK DIPEROLEHI DI DALAM KELAS DAN MAKMAL PROGRAM DAN AKTIVITI PELAJAR YANG TELAH SEDANG DAN AKAN JUTAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA Y.BHG. ENCIK DZAKI BIN JUSOH, KETUA PENGARAH

BIRO TATANEGARA KERANA SENTIASA SEDIA UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN DAN SOKONGAN KEPADA PIHAK UNIVERSITI DALAM MENGANJURKAN PROGRAM SEUMPAMA INI. DIHARAPKAN KERJASAMA ERAT INI AKAN TERUS BERKEKALAN DAN DAPAT DIPERTINGKATKAN PADA MASA HADAPAN DEMI TUJUAN DAN MATLAMAT MURNI YANG SAMA UNTUK MEMBANGUNKAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI TELAH MENJADIKAN AGENDA PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR SEBAGAI SUATU AGENDA YANG AMAT PENTING. MAHASISWAI HARI INI PERLU DIBENTUK UNTUK MENJADI GENERASI PEMIMPIN MASA HADAPAN YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

MAHASISWAI ADALAH HARAPAN NEGARA. MEREKA AKAN MEWARISI KEPIMPINAN MASA HADAPAN. JUSTERU ITU MASYARAKAT PERLU DIYAKINKAN TENTANG KUALITI KEPIMPINAN DI MASA HADAPAN UNTUK MENTADBIR NEGARA. MEREKA TIDAK BOLEH MEMPUNYAI DAYA KEPIMPINAN YANG LONGGAR DAN TUMPUL KERANA DI TANGAN MEREKA TERLETAKNYA HARAPAN UNTUK MEREALISASIKAN WAWASAN 2020 DAN SETERUSNYA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KEMAJUAN NEGARA.

PIHAK HAL EHWAL PELAJAR PERLU BERTINDAK SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN PELAJAR DALAM MEMASTIKAN PARA PELAJAR DAPAT MENIMBA ILMU, PENGETAHUAN, PENGALAMAN DAN KEMAHIRAN YANG TIDAK DIPEROLEHI DI DALAM KELAS DAN MAKMAL. PROGRAM DAN AKTIVITI PELAJAR YANG TELAH, SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN DI KUTKM PERLU MEMPUNYAI

OBJEKTIF KHUSUS UNTUK MELAHIRKAN PELAJAR KUTKM SEBAGAI AHLI PROFESIONAL YANG BERSAHSIAH MURNI, KOMPETEN DAN BERKETERAMPILAN TINGGI SEJAJAR DENGAN ASPIRASI NEGARA. PERSONALITI MEREKA YANG DIIMEJKAN MELALUI SIFAT DAN BUDI PEKERTI YANG MULIA AKAN MENJADI CERMIN KEPADA TINGKAH LAKU YANG BAIK UNTUK DICONTOHI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

KATA PEPATAH JIKA MAHU MELIHAT MASA DEPAN SESEBUAH NEGARA ITU MAKA LIHATLAH REMAJANYA HARI INI. PEPATAH INI PERLU MENJADI PANDUAN KEPADA SEMUA REMAJA SUPAYA MEREKA TIDAK LEKA DENGAN PEMBANGUNAN YANG SEDANG DIKECAPI. JIKA REMAJA NEGARA HARI INI TERLENA DAN HANYUT DENGAN KESERONOKAN ZAMAN REMAJANYA, NESCAYA HANCURLAH NEGARA YANG KITA CINTAI INI PADA

MASA HADAPAN. SEBALIKNYA JIKA KITA BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN MENGHARGAI SETIAP NIKMAT PEMBANGUNAN HARI INI MAKA SAYA PERCAYA MALAYSIA AKAN TERPAHAT DAN TERLAKAR SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU SERTA MAKMUR PADA MASA HADAPAN.

REMAJA HARI INI KHUSUSNYA MAHASISWA/I PERLU BERANI MELONTAR PANDANGAN DAN BERKEYAKINAN TINGGI. MEREKA DITUNTUT UNTUK MEMPUNYAI JATI DIRI YANG KUKUH DAN PADU. JATI DIRI BANGSA MALAYSIA AKAN MENGGAMBARAKAN KEKUATAN BANGSA. BANGSA YANG MEMPUNYAI JATI DIRI PERLU MEMPUNYAI KETAHANAN FIZIKAL, SPIRITUAL, KEINTELEKTUALAN DAN NORMA KEHIDUPAN YANG TINGGI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

SESUAI DENGAN MOTTO UNIVERSITI IAITU "KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN" MAKA PARA PELAJAR PERLU MEMPUNYAI KOMPETENSI DALAM SEMUA ASPEK BAGI MEMBENTUK JATI DIRI YANG PADU UNTUK TERUS BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL. SIFAT KOMPETENSI YANG MENJADI TERAS PEMBENTUKAN UNIVERSITI AKAN MEMBENTUK SEMANGAT PATRIOTISMA PELAJAR UNTUK MENCINTAI NEGARA.

INI KERANA KOMPETENSI AKAN MENGHASILKAN MAHASISWAI DAN GRADUAN KUTKM SEBAGAI "ROLE MODEL" KEPADA AHLI MASYARAKAT. MEREKA TELAH DIPERSIAP DAN PERTINGKATKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN TIDAK SAHAJA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI TETAPI JUGA MUTU KEPIMPINAN UNTUK MENCIPTA KECEMERLANGAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

PEMIMPIN MASA HADAPAN PERLU MENGUASAI ILMU PENGETAHUAN. PEMBANGUNAN DAN KEMAKMURAN PADA MASA HADAPAN DIBANGUNKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN. PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA UNTUK MAJU DAN MELAMPAUI SEMPADAN DUNIA. PERMIKIRAN YANG BERNAS LAGI TERBUKA AKAN TERHASIL DARIPADA PENGUASAAN ILMU YANG TINGGI. SEHUBUNGAN ITU PARA MAHASISWAI PERLU MENGUASAI SEMUA BIDANG ILMU TIDAK SAHAJA KEPIMPINAN TETAPI JUGA EKONOMI, SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK MEMBAWA MALAYSIA KEPADA SUATU MOMENTUM ANJAKAN PARADIGMA YANG LEBIH KUKUH.

KECEMERLANGAN PELAJAR KUTKM UNTUK MENGUASAI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA TERUS MAJU DALAM BIDANG EKONOMI. KITA PERLU MENCONTOHI SEMANGAT DAN PATRIOTISMA YANG DITUNJUKKAN

OLEH RAKYAT JEPUN YANG BERUSAHA UNTUK MENGUASAI SAINS DAN MENTERJEMAHKANNYA DALAM BENTUK PENCIPTAAN PELBAGAI INOVASI SAINS UNTUK KEMAKMURAN DUNIA. MEREKA MENGUASAI DUNIA DENGAN ILMU DAN EKONOMI UNTUK DIHORMATI SEBAGAI NEGARA YANG BERMARUAH DAN MULIA.

RAKYAT JEPUN TELAH BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA MEREKA SETELAH TAMAT PERANG DUNIA KEDUA. KECEMERLANGAN MEREKA ADALAH HASIL DARIPADA KERJASAMA YANG DITUNJUKKAN OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. KECEMERLANGAN YANG DINIKMATI ITU KEMUDIANNYA DIWARISKAN KEPADA GENERASI SETERUSNYA UNTUK MENCIPTA LEBIH BANYAK KEGEMILANGAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

LANGKAH KUTKM YANG MENGADAKAN BEBERAPA USAHASAMA DENGAN PIHAK INDUSTRI SEPERTI DRB-HICOM, CTRM, DAN SEBAGAINYA MERUPAKAN LANGKAH PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI-INDUSTRI UNTUK MEMBANGUNKAN PELAJAR YANG KREATIF DAN INOVATIF. IANYA ADALAH SATU USAHA UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN PELBAGAI PERSPEKTIF KEPADA MAHASISWAI UNIVERSITI.

MEREKA PERLU MENIMBA PENGALAMAN SEBANYAKNYA SEMASA MENUNTUT DI KUTKM SEBAGAI BEKALAN UNTUK BERSAING DAN MENJADI YANG TERBAIK. PENDEDAHAN KEPADA KEPELBAGAIAN PERSPEKTIF ADALAH PENTING KEPADA MAHASISWAI UNTUK DIJADIKAN ASAS-ASAS NILAI DALAM MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN PENTADBIRAN ATAU PENGURUSAN KHUSUSNYA KEPADA PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA SUATU HARI NANTI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA DAN EN. DZAKI BIN JUSOH, KETUA PENGARAH BTN KERANA KESUDIAN MEREKA HADIR PADA PAGI INI.

SEMOGA PROGRAM DAN AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN INI DIHARAP DAPAT MEMBERIKAN PENDEDAHAN YANG SEWAJARNYA KEPADA PARA PELAJAR TENTANG SEMANGAT CINTAKAN NEGARA, MENGEKALKAN KEHIDUPAN YANG HARMONI, BERTOLAK ANSUR, KERJA BERPASUKAN DAN ILTIZAM UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA. NILAI-NILAI INI AMAT PENTING TERUTAMANYA DALAM SEBUAH NEGARA YANG MAJMUK DAN BERBILANG KAUM SEPerti MALAYSIA.

KITA PERLU SALING HORMAT-MENGHORMATI DAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENCETUSKAN PERMUSUHAN TERUTAMANYA YANG BERKAITAN ISU AGAMA DAN BANGSA. DENGAN ADANYA KESTABILAN DAN PERPADUAN, MAKA PERKARA BERKAITAN PEMBANGUNAN NEGARA BOLEH DILAKSANAKAN TANPA PERLU TERGANGGU OLEH PERKARA-PERKARA YANG TIDAK PENTING.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, WAKIL-WAKIL PELAJAR DAN SETERUSNYA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN SEMINAR PADA HARI INI BERJAYA DILAKSANAKAN.

SEKIAN. TERIMA KASIH.